

---

## Pemeliharaan Alam Tabii Bersumberkan Pengetahuan Islam

---

*Hazura Abu Bakar  
Sharifah Norhaidah Syed Idros  
snsi@usm.my*

### Pengenalan

Pemeliharaan alam tabii merupakan satu elemen yang penting untuk memastikan kesinambungan kehidupan manusia di dunia ini. Dalam Islam, kehidupan manusia tidak hanya terbatas kepada hubungan sesama manusia tetapi manusia juga diwajibkan menjalinkan hubungan yang baik dengan alam tabii. Kesejahteraan hidup yang dinikmati oleh manusia adalah akibat daripada hubungan harmoni antara manusia dan alam sekitarnya. Setiap kali manusia menarik nafas maka bahan yang disedut ialah gas oksigen. Gas oksigen ini dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan. Sebaliknya, tumbuh-tumbuhan sendiri menghasilkan gas oksigen daripada karbon dioksida yang di dapati daripada manusia dan haiwan. Proses ini akan berulang dan sekiranya ia terhenti, maka kemungkinan tiada lagi penghuni di alam ini.

Al-Quran mempunyai pendekatan sendiri dalam menghuraikan konsep kejadian alam. Al-Quran menegaskan bahawa unsur pertama yang membawa kepada pembentukan alam ini ialah air. Hal ini ditegaskan di dalam Al-Quran berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“...dan adalah singgahsana Allah S.W.T (sebelum itu) di atas air...”*

(Hud:7)

Dalam ayat Al-Quran yang lain, Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

*“Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asalnya mula bercantum (sebagai benda yang satu) lalu Kami pisahkan antara keduanya..?Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup..?Maka mengapa mereka tidak mahu beriman. Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang mantapnya, supaya bumi itu tidak menggegar mereka,dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani. Dan Kami jadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal. Sedang mereka (yang kafir itu) berpaling tidak memerhatikan tanda-tanda (kekuasaan Kami) yang ada padanya.”*

(Al-Anbiya’:30-32)

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling Malaysia (1974), alam sekitar atau persekitaran bermaksud faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia. Ia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi dan juga faktor-faktor sosial yang saling bergantung sesama sendiri, di antara faktor-faktor biologi dengan faktor-faktor fizikal. Manakala, definisi yang lain pula mengatakan bahawa alam sekitar adalah sebagai ekosfera yang mengandungi ekosistem-ekosistem yang saling berinteraksi. Ekosistem pula terdiri daripada faktor-faktor biologi yang saling bergantung sesama sendiri, di antara faktor-faktor biologi dengan faktor-faktor fizikal (Ahmad Badri, 1987). Dalam pengertian sains dan teknologi pula, alam sekitar atau persekitaran boleh membawa maksud segala apa yang ada di sekeliling dan berhubung kait dengannya, sehingga menimbulkan suatu suasana atau keadaan. Justeru, setiap sesuatu yang ada di alam nyata ini mempunyai persekitarannya masing-masing, dan sesuatu itu boleh menjadi persekitaran kepada sesuatu yang lain (Fadil Othman, 1996).

Alam sekitar juga merujuk kepada segala benda yang berada di sekeliling manusia pada suatu titik dalam ruang dan masa. Kajian tentang alam sekitar melibatkan banyak pendekatan; satu daripadanya ialah perspektif hubungan antara manusia dengan alam sekitar yang dikembangkan sejak awal abad ini dalam konteks ekologi manusia. Sebenarnya kesan tindakan manusia terhadap alam sekitar telah direkodkan sejak abad kelapan belas dan kesembilan belas lagi (Jamaluddin Md Jahi, 1996). Aktiviti pembangunan yang melibatkan interaksi antara manusia dengan alam sekitar dalam keadaan tertentu boleh menyebabkan berlakunya perubahan pada alam sekitar. Malahan, kemerosotan kualiti alam sekitar masih dianggap oleh sesetengah pihak sebagai kos pertumbuhan ekonomi yang perlu bagi pembangunan dan dapat dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, pada masa kini, ramai orang yang berpendapat bahawa kemerosotan kualiti alam sekitar boleh menyebabkan kerugian sebenar daripada segi kesan jangka panjang. Tambahan pula kemerosotan kualiti alam sekitar menggugat objektif asas pembangunan, iaitu untuk mempertingkatkan taraf hidup manusia secara berterusan (Jamaluddin Md Jahi, 1996).

### **Keputusan Alam Sekitar Menurut Pandangan Islam**

Masyarakat seharusnya dididik dan diterapkan tentang kepentingan alam ciptaan Tuhan ini bagi melahirkan masyarakat yang bersyukur dan menghargai segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. Alam tabii penting kepada manusia serta semua hidupan lain kerana ia merupakan tempat segala aktiviti manusia termasuklah untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Alam tabii terdiri daripada tiga sumber utama iaitu tanah, udara dan air. Semua sumber alam ini diperlukan untuk menjamin kehidupan manusia. Setiap individu memerlukan alam sekitar yang bersih untuk meneruskan kehidupan di muka bumi ini. Udara yang bersih amat diperlukan untuk pernafasan yang baik bagi menjamin kesihatan yang memuaskan. Begitu juga sumber air yang bersih amat penting untuk memenuhi keperluan harian manusia termasuklah untuk melakukan ibadat seperti mengambil wuduk dan sebagainya. Manakala, tanah yang subur juga penting untuk menjadikan hasil pertanian dan tumbuh-tumbuhan hidup segar dan boleh membekalkan udara yang bersih kepada manusia. Alam tabii yang bersih juga penting untuk pertumbuhan mental dan fizikal yang baik. Contohnya, mengikut tradisi orang Arab pada masa dahulu, setiap anak yang lahir di bandar akan dihantar dan disusukan di kampung yang mempunyai

suasana yang lebih indah dan tenang dengan udara yang lebih segar berbanding di bandar. Rasulullah s.a.w sendiri telah dihantar ke kawasan perkampungan Arab Badwi dan tinggal di sana selama empat tahun. Hasilnya, baginda menjadi seorang yang cergas, dapat bertutur dengan fasih dan pandai menunggang kuda kerana keadaan padang pasir yang tenang dan udara yang bersih (Mustafa, 1972). Islam sangat mengambil berat tentang kebersihan, keindahan dan kebaikan kerana Allah S.W.T amat menyukai kebaikan, kesucian dan keindahan. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah S.W.T itu baik dan menyukai yang baik, bersih dan menyukai yang bersih, mulia dan menyukai yang mulia, pemurah dan menyukai kemurahan.”*

(Riwayat Tarmizi)

Kepentingan tanah sebagai sumber alam kepada manusia dan haiwan ialah sebagai:

- Tempat tinggal

Allah S.W.T telah menjadikan manusia dan juga telah mencipta tempat tinggal yang terbaik untuk manusia di atas muka bumi ini.

Maksud firman Allah S.W.T;

*“Bukankah Kami telah menjadikan bumi tempat berkumpul orang yang hidup dan mati (orang hidup berkumpul di permukaannya dan orang mati ditanam di perut bumi).”*

(Al-Mursilat:25-26)

- Tempat menyimpan sisa-sisa buangan

Fungsi tanah amat penting untuk menyerap dan menyimpan sisa-sisa yang tidak digunakan lagi supaya tidak mencemarkan alam sekitar. Apabila sisa-sisa itu telah disimpan dan diserap oleh tanah maka ia tidak lagi mengganggu manusia dengan bau yang busuk, gangguan kesihatan dan sebagainya. Namun begitu, sisa-sisa buangan itu hendaklah ditanam di kawasan-kawasan tertentu supaya tidak mencemarkan kawasan lain.

- Tempat menyimpan dan menapis air

Allah S.W.T telah menurunkan air hujan supaya penduduk di muka bumi ini dapat memanfaatkannya. Air hujan yang diturunkan akan menyerap masuk ke perut bumi dan akan dikeluarkan kembali untuk faedah manusia dan haiwan di muka bumi melalui mata air yang memancar keluar dari gunung-ganang yang kemudian menjadi air terjun yang jernih dan sejuk mengalir menjadi sungai-sungai. Allah S.W.T menjelaskan berkenaan hal ini di dalam Al-Quran yang bermaksud;

*“Dan Kami telah menurunkan air hujan dari langit (dengan sukatan tertentu) serta Kami tempatkannya tersimpan di dalam bumi, dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.”*

(Al-Mukminun:18)

- Tempat untuk pengeluaran hasil pertanian dan ternakan

Struktur tanah yang subur amat penting untuk aktiviti pertanian di samping meningkatkan pengeluarannya bagi menampung keperluan hidup manusia. Hal ini disebabkan sumber utama makanan manusia adalah berpunca daripada hasil pertanian. Selain itu, tanah-tanah lembah yang dipenuhi tumbuhan menghijau juga amat sesuai dijadikan tempat untuk memelihara binatang ternakan. Maksud Firman Allah S.W.T:

*“Tanah yang baik tumbuh tanamannya (dengan subur) dengan izin Tuhan (Allah), tetapi tanah yang tidak baik, tumbuh-tumbuhannya hanya tumbuh merana. Begitulah Kami menjelaskan keterangan itu untuk kamu yang bersyukur (menghargai jasa).”*

(Al-A’raf:58)

- Alat bersuci (tayammum)

Tanah merupakan alat untuk bersuci daripada hadas kecil atau hadas besar apabila tidak ada air atau mempunyai keuzuran yang menghalang penggunaan air. Tanah yang boleh digunakan hanyalah tanah yang bersih dan suci daripada najis. Perkara ini bertujuan membolehkan manusia melakukan amal ibadat yang berterusan kepada Allah S.W.T. Maksud firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran:

*“Hendaklah kamu bertayammum dengan tanah yang baik (bersih).”*  
(Al-Ma’idah:6)

- Sumber sedekah

Tanah boleh dijadikan sumber sedekah sama ada kepada sanak saudara, sahabat handai dan sebagainya. Tanah juga boleh diwakafkan untuk kepentingan umat Islam seperti untuk dijadikan masjid, rumah anak-anak yatim, sekolah dan sebagainya. Sudah pasti tanah yang ingin disedekahkan untuk tujuan kebaikan mempunyai nilai dan kualiti yang baik dan bukannya tanah yang telah tercemar. Tanah yang telah tercemar hanya akan memberikan kesan yang negatif kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. (Norhibah, 1999)

Sumber alam yang tidak kurang pentingnya ialah air yang merupakan keperluan paling asas untuk manusia dan sekalian makhluk di muka bumi ini. Tujuh puluh lima peratus daripada permukaan dunia dilitupi air dan ia menjadi punca utama bagi kebanyakan ekosistem seperti sungai, tasik, laut dan sebagainya. Antara kepentingan air kepada kehidupan ialah sebagai:

- Sumber makanan dan minuman

Manusia dan makhluk lain di muka bumi ini amat memerlukan air untuk diminum dan menghadamkan makanan di dalam perut. Allah S.W.T telah memelihara nilai air dengan sebaik-baiknya supaya kehidupan manusia tidak

terjejas. Buktinya, Allah S.W.T telah mengadakan sempadan antara air tawar dengan air masin sehingga kedua-duanya tidak bercampur. Hal ini disebabkan manusia tidak boleh meminum air laut yang mengandungi garam yang tinggi. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*“Dan Dialah (Allah S.W.T) yang memberikan dua laut mengalir (berdampangan), yang ini tawar lagi segar dan yang lain masin lagi pahit. Dia jadikan antara kedua-duanya dinding dan batas yang menghalangi.”*

(Al-Furqan:53)

- Sumber tenaga

Air juga dapat menjadi sumber kepada pengeluaran tenaga elektrik hidro untuk kegunaan penduduk serta pertumbuhan ekonomi. Selain daripada dapat menjana tenaga elektrik hidro, empangan air tersebut juga boleh menampung air sungai supaya tidak melimpah dan menyebabkan kejadian banjir.

- Tempat mencari rezeki

Laut dan sungai juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada manusia contohnya sebagai nelayan, ahli pelayaran dan sebagainya. Di dalam laut juga terdapat sumber ekonomi, perhiasan dan sumber lain yang penting kepada manusia. Hal ini telah diterangkan oleh Allah S.W.T dalam firman-Nya yang bermaksud;

*“ Dan Dialah yang menyediakan lautan, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang segar dan kamu dapat pula mengeluarkan daripadanya perhiasan untuk kamu memakainya dan kamu juga dapat melihat kapal-kapal belayar padanya, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur”*

(Al-Nahl:14)

- Jalan Pengangkutan

Laut dan sungai juga merupakan sistem perhubungan yang amat penting sejak zaman dahulu. Ia memudahkan manusia untuk mengangkut pelbagai jenis barang bagi tujuan perdagangan dan juga untuk perhubungan manusia dari satu tempat ke tempat yang lain. Perkara ini turut diterangkan di dalam Al-Quran yang maksudnya:

*“Dan Dia (Allah S.W.T) telah menyediakan bahtera bagimu supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendak-Nya.”*

(Ibrahim:32)

- Alat bersuci

Di dalam Islam, air merupakan sumber utama umatnya untuk menyucikan hadas kecil dan hadas besar. Air yang digunakan untuk menyucikan ialah air mutlak yang terdiri daripada air yang bersih dan suci seperti air hujan, air mata air, air embun, air perigi dan sebagainya. Kepentingan air untuk bersuci telah dinyatakan di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*“Dan diturunkan-Nya padamu hujan dari langit buat menyucikanmu.”*

(Al-Anfal:11)

Kepentingan air kepada manusia tidak dapat dinafikan, begitu juga terhadap tumbuh-tumbuhan. Air merupakan sumber utama untuk menghidupkan tumbuh-tumbuhan dan seterusnya tumbuh-tumbuhan yang subur menghijau diperlukan oleh manusia sebagai sumber oksigen, makanan dan sebagainya. Maksud firman Allah S.W.T:

*“ Dan engkau melihat bumi ini kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan, hiduplah bumi itu dan suburlah serta ia menumbuhkan pula berjenis-jenis tanaman yang indah dan permai.”*

(Al-Hajj:5)

Seterusnya, sumber alam yang tidak ternilai ialah udara. Allah S.W.T memberi anugerah udara yang bersih kepada makhluknya untuk bernafas. Pemeliharaan kawasan hutan yang menghijau dapat menjamin kehadiran udara yang bersih di alam ini. Hal ini adalah disebabkan kitaran udara yang berlaku di antara tumbuh-tumbuhan dengan manusia dan haiwan. Tumbuh-tumbuhan memerlukan gas karbon dioksida untuk membuat makanan dan menghasilkan gas oksigen untuk kegunaan manusia. Di samping itu kepentingan udara juga ialah:

- Agen pendebungaan

Maksud firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran;

*“Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih, lalu Kami turunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya, dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau) menyimpannya.”*

(Al-Hijr:22)

Ayat di atas menjelaskan bahawa udara atau angin yang membawa debunga jantan bertemu dengan debunga betina untuk menghasilkan buah-buahan yang menjadi sumber makanan manusia dan haiwan.

- Membawa hujan ke kawasan tandus  
Maksud firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran:

*“Dan Allah, Dialah yang mengirinkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang mati (kering-kontang), lalu Kami hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Demikian juga kebangkitan manusia iu (hidup semula sesudah mati).”*

(Al-Faatir:9)

- Membersihkan keadaan udara yang busuk  
Apabila udara yang bersih bertiup ke suatu kawasan yang busuk, maka ia akan membersihkan bau yang busuk di kawasan tersebut. Jika tiada angin atau udara bersih yang bertiup di kawasan itu, maka bau yang busuk itu akan terkurung dan menimbulkan keadaan yang tidak selesa kepada manusia di situ. Selain itu, udara yang busuk dan tercemar juga boleh mendatangkan penyakit dan membahayakan kesihatan manusia. (Norhibah, 1999)

Keterangan di atas menunjukkan betapa pentingnya sumber alam yang utama iaitu tanah, air dan udara dalam alam sekitar. Jika setiap individu dapat dididik supaya menghayati akan kepentingan sumber-sumber tersebut dalam kehidupannya, nescaya sikap mementingkan keuntungan diri semata-mata dapat dihindarkan. Seharusnya, di peringkat awal kanak-kanak, mereka diberi pendidikan yang menekankan tentang peri pentingnya menjaga dan menghargai sumber-sumber alam. Malahan jika seluruh umat Islam dapat menyelami ajaran Al-Quran dengan sebenar-benarnya, maka mereka pasti tidak akan melakukan sesuatu yang mendatangkan kerosakan di atas muka bumi ini kerana setiap perbuatan walaupun sebesar zarah akan diadili di hari akhirat kelak seperti maksud firman Allah S.W.T:

*“Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah nescaya akan dilihatnya, dan sesiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalannya).”*

(Al-Zalzalah:7-8)

### **Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Islam**

Dalam Islam, pendidikan mempunyai kaitan dengan pembangunan sistem kepercayaan individu dan nilai yang membantu membina pandangan yang mantap tentang kehidupannya. Ia juga mempunyai kaitan dengan penyampaian ilmu tentang penciptaan yang membangkitkan kekagumannya terhadap Pencipta dan menggalakkan kefahamannya tentang keperluan menjaga dan menghormati apa sahaja sumber-sumber penciptaan yang digunakan demi faedah manusia (Yunus Negus, 1991). Di dalam ajaran Islam sebagaimana yang telah ditunjuki Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a, soal kepentingan menjaga kebersihan, kesihatan dan alam sekitar memang dititikberatkan. Ini penting untuk menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan hidup yang menjadi fitrah manusia untuk menikmatinya. Ajaran Islam yang memang sesuai dengan fitrah manusia menganjurkan

supaya umatnya mengawal keadaan persekitarannya agar wujud suasana yang harmoni, selesa dan damai seperti mana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Dan Allah mengadakan untukmu segala apa yang ada di bumi ini dan seluruhnya.”*

(Surah al-Hajj 22:65)

*“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah memperbaikinya.”*

(Surah al-A'raf 7:56)

Aspek utama dalam setiap perkara yang ingin dilakukan dalam kehidupan ini ialah konsep tauhid iaitu kepercayaan dan keimanan yang sepenuhnya terhadap Tuhan Yang Maha Esa iaitu Allah S.W.T. Begitu juga dalam hal memelihara alam tabii. Keimanan yang teguh kepada Allah S.W.T. dapat menundukkan kepentingan individu kepada kepentingan masyarakat. Sifat individualistik tidak akan diamalkan dalam menggunakan sumber-sumber alam tabii. Ini disebabkan seseorang yang beriman kepada Allah S.W.T serta hari akhirat dengan sebenar-benarnya akan sentiasa mengingati bahawa setiap perbuatannya di muka bumi pasti akan diadili pada hari akhirat kelak. Hal ini merupakan ikatan yang kuat untuk mencegah manusia membuat sesuatu kerosakan di dunia ini.

Walaupun keimanan dalam diri dapat mencegah manusia daripada melakukan kerosakan di dunia ini namun undang-undang dan peraturan tertentu masih diperlukan dalam memastikan kepentingan masyarakat dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya. Ini disebabkan tahap keimanan manusia yang berbeza dan memerlukan kepada suatu undang-undang untuk mengawal peradaban manusia. Syari'ah adalah teras perundangan hidup Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia dan meliputi kehidupan peribadi, sosial, politik dan sebagainya. Dalam pemuliharaan alam semula jadi, salah satu prinsip syari'ah yang paling asas ialah pengisytiharan Nabi Muhammad s.a.w bahawa “tidak boleh merosakkan dan tidak boleh mengekalkan kerosakan”. Para sarjana undang-undang Islam menjelaskan maksud prinsip tersebut ialah tiada siapa yang boleh menyebabkan kecederaan ke atas makhluk lain dan tidak boleh menyalahgunakan hak-hak asas yang diberikan kepada mereka (Llewellyn, 1982).

Dalam Islam terdapat beberapa prinsip yang penting tentang hubungan antara manusia dengan alam sekitar. Antaranya ialah:

- i) Setiap ciptaan Allah di atas muka bumi ini telah diciptakan mempunyai peranan dan fungsi tertentu. Segalanya saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat daripada firman Allah S.W.T. di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut taqdir (yang telah ditentukan)”*

(Al-Qamar:49)

*“...dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan disisinya dengan kadar yang tertentu.”*

(Ar-Ra’ad:8)

- ii) Allah tidak menciptakan sesuatu dengan sia-sia sahaja. Setiap ciptaan Allah menjadi bukti kebesaran dan sebagai tanda kekuasaan Allah. Maksud firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran:

*“Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya dengan main-main. Sekiranya Kami hendak membuat sesuatu permainan, tentulah kami membuatnya dari sisi Kami. Jika Kami menghendaki berbuat demikian (tetapi Kami tidak melakukan perkara demikian itu).”*

(Al-Anbiya’:16-17)

*“Dialah Tuhan yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan dan Dia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan untuk lalu-lalang; dan Dia juga telah menurunkan hujan dari langit.Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlain-lain keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu, sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran.*

(Taha:53-54)

- iii) Manusia adalah sebahagian daripada alam ciptaan Allah dan mempunyai hubungan yang rapat dengan alam sekitarnya. Manusia juga telah ditugaskan sebagai khalifah di muka bumi yang bertanggung jawab untuk menguruskan bumi ini sebaik mungkin seperti maksud firman Allah S.W.T. di dalam Al-Quran:

*“(Ingatlah) ketikaTuhanmu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang Khalifah di atas muka bumi. Maka mereka menjawab :Adakah patut Engkau menjadikan di atas muka bumi orang yang berbuat bencana dan menumpahkan darah sedangkan kami bertasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Allah berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui apa-apa yang tiada kamu ketahui. Allah mengajarnya semua nama benda kemudian dibawa benda-benda itu kepada Malaikat,lalu Allah berfirman; “Khabarkan kepada-Ku nama benda-benda ini, jika kamu yang benar”. Jawab mereka: “Maha Suci Engkau tidaklah kami tahu sesuatu itu kecuali apa-apa yang engkau ajarkan kepada kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana”.Allah berfirman: “Hai Adam, beritahulah kepada Malaikat nama benda-benda ini.”*

(al-Baqarah:30-32)

- iv) Konsep keadilan dalam Islam meliputi semua makhluk sama ada haiwan, tumbuhan dan sebagainya yang ada di atas muka bumi ini.

Maksud firman Allah s.w.t.:

*“Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua-dua sayapnya, adalah umat-umat seperti kamu juga. Dan mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka akhirnya.”*

(Al-An’am:38)

- v) Manusia tidak berhak untuk mengeksploitasi sumber alam sewenang-wenangnya kerana segalanya adalah milik Allah. Setiap makhluk ciptaan Allah adalah sama tarafnya dengan manusia. Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran:

*“Kepunyaan Allah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi. Dialah Yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.”*

(Al-Hajj:64)

*“Tidakkah kamu tahu bahawasanya kepada Allah bertasbih segala apa yang ada di langit dan di bumi dan burung-burung yang mengembangkan sayapnya. Masing-masing mengetahui (cara) berdoa dan bertasbih. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

(Al-Nur:41)

Di samping itu, konsep ibadat di dalam Islam tidak hanya terhad kepada ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji sahaja namun turut meliputi segala perbuatan yang mendatangkan kebaikan kepada manusia ataupun alam sekitarnya. Malahan, perbuatan meninggalkan segala larangan Allah S.W.T juga merupakan satu perjuangan yang memberikan pahala kepada umat Islam. Di dalam Al-Quran, Allah S.W.T dengan tegas melarang manusia daripada melakukan kerosakan di muka bumi dengan maksud firman-Nya:

*“...janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi...”*

(Al-Baqarah:11)

*“...dan janganlah kamu bermaharajalela di muka bumi dengan melakukan kerosakan.”*

(Al-Syu’ara:183)

## Pendidikan Alam Sekitar

Pendidikan alam sekitar yang dikenali sebagai *environmental education* ialah proses pendidikan *tentang* alam sekitar, *untuk* alam sekitar serta *melalui* alam sekitar. Pendidikan alam sekitar melibatkan interaksi manusia dengan alam serta bagaimana manusia harus mengurus alam sekitar secara bijak dalam meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran terhadap alam sekeliling. Matlamat utama pendidikan alam sekitar ialah membantu masyarakat sejagat menyedari dan memahami isu alam sekitar dan dapat menguasai kemahiran serta kesungguhan mengatasi serta mengekalkan kualiti alam sekitar. Sebenarnya konsep pendidikan alam sekitar sebagai suatu alat kajian saintifik yang penting dan sistematik tidak mendapat perhatian yang meluas dalam pembentukan kurikulum pendidikan formal di negara ini dalam dekad 1970-an. Keadaan tersebut wujud kerana sejak merdeka kerajaan menumpukan seluruh perhatian kepada pembangunan ekonomi. Tambahan pula hanya dalam dekad yang lepas sahaja universiti di negara ini memulakan kajian antara disiplin, iaitu asas kepada perkembangan pendidikan alam sekitar (Jamaluddin Md Jahi, 1996).

Pendidikan alam sekitar di Malaysia adalah satu proses untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai tentang alam sekitar serta cabaran-cabaran yang berkaitan dengannya. Ia juga adalah untuk membina kemahiran dan kepakaran yang diperlukan bagi menghadapi isu-isu alam sekitar; dan untuk menggalakkan sikap, motivasi dan komitmen untuk membuat keputusan yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan mengambil tindakan yang bertanggungjawab. Selain itu, pendidikan alam sekitar memperkayakan pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan yang efektif serta mengajar individu supaya dapat menimbang dari pelbagai sudut dalam isu-isu alam sekitar bagi membuat keputusan yang berpengetahuan dan bertanggungjawab (UNESCO, Deklarasi Tbilisi 1978). Pendidikan alam sekitar turut menekankan kepada pembinaan masyarakat yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta mempunyai kapasiti untuk menyalurkan kefahaman, nilai dan kemahiran bertindak yang berkaitan dengan isu-isu alam sekitar dalam mewujudkan pembangunan dunia yang mapan. Kaedah pengurusan yang hendak dipakai dan pembangunan yang hendak diuruskan itu walaupun telah dikemukakan secara formal oleh Barat adalah kongruen dengan ilmu yang berteraskan Islam. Pendidikan yang berteraskan Islam adalah dimana tunjangnya adalah Tauhid manakala sumber epistemologinya ialah al-Qur'an dan Hadith, selain dari ijmak dan qiyas ulamak. Tujuannya ialah untuk membuktikan kebenaran penyaksian manusia di alam roh, agar dengan itu mereka mendapat keredhaan Allah SWT dan mencapai kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat (Muhammad Syukri Salleh, 2001).

Melalui pendidikan alam sekitar, akhlak atau sikap yang baik dapat diterapkan kepada pelajar yang merupakan bakal pengurus alam sekitar pada masa hadapan. Islam telah menggariskan ciri-ciri akhlak yang baik terhadap alam sekitar. Antaranya ialah sifat kasih sayang terhadap seluruh makhluk di alam ini. Sifat kasih sayang dan mencintai alam adalah penting dalam pemuliharaan alam tabii. Islam amat menganjurkan sikap pengasih dan bertimbang rasa terhadap alam serta melarang umatnya daripada merosakkan alam sewenang-wenangnya sepertimana maksud firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran;

*“Kemudian apabila ia berpaling (daripadamu), berusaha ia di bumi untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanam-tanaman dan binatang ternakan, sedangkan Allah tidak suka kepada kebinasaan.”*

(Al-Baqarah:205)

Islam juga menggalakkan umatnya meneroka dan menyuburkan tanah yang tandus serta menganjurkan setiap orang supaya berusaha menanam tumbuhan yang bermanfaat bagi dirinya dan generasi seterusnya. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*“Sesiapa daripada orang muslim yang menanam tanam-tanaman dan hasilnya dimakan oleh burung atau manusia ataupun binatang maka baginya mendapat pahala sedekah.”*

(Riwayat Bukhari)

Di samping itu, adab-adab Islam seperti larangan membuang air kecil di dalam air tenang, adab bersugi dan memelihara mulut daripada mengeluarkan bau yang busuk menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan aspek kebersihan dan mencegah pencemaran sama ada pencemaran air atau udara. Hal ini dapat dilihat daripada maksud sabda Rasulullah s.a.w.:

*“Peliharalah diri kamu daripada tiga sebab yang membawa laknat; iaitu membuang air besar di tempat-tempat berair, di tengah jalan dan di tempat berteduh.”*

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Pemeliharaan alam sekitar adalah satu keperluan moral dan etika. Masalah alam sekitar tidak dapat diatasi hanya dengan ilmu dan teknologi semata-mata seperti mana yang di usahakan hari ini. Penekanan tentang kepentingan diri tidak merangsang manusia untuk membuat sesuatu selain daripada mendapatkan keselesaan dan kesenangan untuk diri sendiri. Hanya keyakinan moral dan kesedaran etika dalam diri individu dan masyarakat dapat memotivasikan diri manusia untuk menyetepikan sesetengah kepentingan diri dan melakukan pengorbanan demi kepentingan umum. Itupun hanya apabila had etika kita bukan sahaja terhadap manusia malah meliputi terhadap seluruh generasi manusia dan segala makhluk ciptaan Tuhan. Maka dengan itu barulah kita boleh menunjukkan sifat mulia sebagai khalifah yang diamanahkan di muka bumi.

Pengajaran etika tidak sepatutnya hanya berlandaskan kepada penguatkuasaan undang-undang. Sesetengah orang memang mempunyai etika yang hadir dalam dirinya, tetapi masih ada yang gagal untuk mengatasi sikap mementingkan diri sendiri. Melalui penyusunan semula institusi sosial, pemeliharaan alam sekitar seharusnya disepadukan dengan pembangunan lestari. Pendidikan merupakan wadah utama dalam membangunkan nilai yang berkaitan dengan etika alam sekitar. Pemeliharaan yang terpisah daripada pembangunan lestari tidak dapat diterima oleh institusi sosial serta tidak mempunyai nilai ekonomi yang sebenarnya. Manusia sememangnya berhak untuk menggunakan hasil daripada sumber alam, tetapi sepatutnya mencari inisiatif untuk memelihara dan membangunkan semula sumber yang telah digunakan.

## Kesimpulan

Setelah kian lama pendidikan alam sekitar dijalankan dalam persekolahn formal Barat tetapi semakin lama didapati krisis ekologi dan kesihatan planet kita semakin parah. Perkara ini menyebabkan ramai tokoh pendidik dan ahli falsafah berpendapat bahawa pendidikan yang di sajikan itu masih memerlukan suatu bahan yang boleh membuatkan ramuan pendidikan alam sekitar lebih bermakna serta dapat menyentuh perasaan halus manusia dengan lebih mendalam. Rata rata, aspek spiritual telah disarankan sebagai satu elemen yang boleh memainkan peranan yang signifikan bagi meningkatkan perhubungan manusia dengan alamnya malah ramai telah mengajak untuk mengembalikan pemikiran masyarakat kepada satu yang lebih mirip kepada ugama ataupun falsafah *lama* (Beringer, 2006) sebagai jalan yang terbaik untuk memulihkan keadaan sekarang.

Pada masyarakat Islam pula, penyelesaian kepada masalah krisis alam sekitar serta pendidikan yang terbaik untuk menangani kekurangan kepada pendidikan formal adalah terang dan jelas iaitu menyemaikan aspek aspek perhubungan manusia dengan alam dan Tuhannya seperti mana yang dituntut oleh agama Islam. Perkara ini yang lama telah diketepikan dalam pendidikan formal persekolahan harus di ketengahkan semula dan diperlihatkan sebagai satu jalan/usaha yang wajar didukung oleh generasi sekarang dan yang akan datang. Usaha untuk mentransformasikan ayat ayat Quran kepada tindakan ke arah memulihkan keadaan alam sekitar boleh dilihat sebagai merealisasikan salah satu prinsip Islam Hadhari iaitu Pemeliharaan Alam Sekitar. Semestinya pendekatan sedemikian dapat menyumbang terhadap pengurusan Kerajaan Malaysia sekira pendidikan anak mudanya adalah yang berteraskan ajaran agama.

## Bibliografi

- Al-Quran al-Karim*, Tafsir Pimpinan ar-Rahman al-Quran, terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992.
- Abdullah Omar Nasseef, (1984). Science Values and Religious Values, The Islamic Academy, Cambridge dalam Yunus Negus, (Ed.) *Sains Dalam Islam - Belajar Bagaimana Menjaga Dunia Kita*.
- Abu Bakar Yang, (2000). Pendidikan Alam Sekitar Asas Pengurusan Berhemah dalam Abu Bakar Abdul Majid & Abu Bakar Yang (Eds) *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*, Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Ahmad Badri Mohamad (1987). *Perspektif Persekitaran*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Petaling Jaya
- Beringer, A. (2006). Reclaiming a Sacred Cosmology: Seyyed Hossein Nasr, the Perennial Philosophy, and Sustainability Education, *Canadian Journal of Environmental Education*, Vol. 11, 2006
- Fadil Othman (1996). *Permasalahan Alam Sekitar*, Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka & Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Jamaluddin Md. Jahi (1996). *Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jasiman Ahmad, (2003) *Pencemaran Alam Sekitar*, Jade Green Publication Sdn Bhd Kuala Lumpur

- Llewellyn, Othman. (1980) *The Objectivis of Islamic Law and Administrative Planning* dalam terjemahan *Islam and Ecology* oleh Baharin Ramly & Aini Majid (1997)
- Muhammad Syukri Salleh (2001) *Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan*, Syarahan Perlantikan Profesor Universiti Sains Malaysia
- Muhammad Uthman el-Muhammady (2000) Islam dan Alam Sekitar dalam Abu Bakar Abdul Majid & Abu Bakar Yang (2000) *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*, Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Mustafa al-Sibaghi, (1972). *As-Sirah an-Nabawiyah Durus Wa Ibra* dalam Norhibah Hasan Zawawi, (1999) *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur
- Norhibah Hasan Zawawi, (1999). *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur
- Parry, J. & Scott, A., (1997). *ESRC Global Environmental Change Program; Learning to be Green: The Future of Environmental Education*
- Rosnani Ibrahim (2000) Alam Sekitar Malaysia: Status Kini dan Masa Depan dalam Abu Bakar Abdul Majid & Abu Bakar Yang (Eds) *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*, Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Sham Sani (2000) Anjakan Paradigma dalam Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia: Peranan Universiti, *Akademika 57 (Julai) 2000*, 3-24
- UNESCO-UNEP 1978, The Tbilisi Declaration, *Connect*, Vol. 3, No.1, 1-8
- Yunus Negus, (1991) Sains Dalam Islam –Belajar bagaimana menjaga dunia kita dalam terjemahan *Islam and Ecology* oleh Baharin Ramly & Aini Majid (1997)